

PRULink Dana Aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	Untuk menyediakan pengumpulan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam sekuriti hutang Islam yang terpilih.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Strategi Pelaburan Melabur dalam sekuriti-sekuriti hutang dan deposit tetap Islam yang terpilih. Pendekatan Pelaburan Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjana pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima. Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam instrumen pendapatan tetap patuh-Shariah. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair yang patuh-Shariah.
Piawaian Prestasi	Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate <i>Maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com.my</i>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (860682-K)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	0.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Walaupun dana-dana melaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Shariah, pelan Insurance Berkaitan Pelaburan yang menggunakan dana-dana ini tidak dikelaskan sebagai produk patuh Shariah

PRULink Dana Aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Dana Aman	Piawaian Prestasi Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate
2015	3.54%	3.30%
2016	4.27%	3.21%
2017	4.34%	3.10%
2018	4.35%	3.34%
2019	8.84%	3.18%
2020	5.40%	2.22%
2021	-1.67%	1.88%
2022	0.83%	2.25%
2023	7.06%	3.01%
2024	4.20%	2.72%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2024

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

PRULink Dana Aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Kadar Faedah
- (B) Risiko Kredit / Kegagalan
- (C) Risiko Kecairan
- (D) Risiko Pasaran
- (E) Risiko Penerbit
- (F) Risiko Pengkelasan-semula Status Shariah
- (G) Risiko Negara
- (H) Risiko Tiada-Pematuhan
- (I) Risiko Penumpuan
- (J) Risiko Syarikat Pengurusan
- (K) Risiko Inflasi
- (L) Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadar sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

PRULink Dana Aman

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none">Pelabur yang mencari pengaliran pendapatan yang stabilDaya toleransi risiko rendah ke sederhana.Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.
• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.Harga unit bagi dana PRULink tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRULink selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none">Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana PRULink yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana PRULink. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>